05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“ TEMBIKAR TEMBELING PAHANG SEBAGAI EKPRESI KESINAMBUNGAN WARISAN PENDIDIKAN BUDAYA”

MUHAMMAD FAZLY BIN JAMALUDDIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI DEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2008

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

8.4.2008

MUHAMMAD FAZLY BIN JAMALUDDIN

M20061000178

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ilmiah ini sebagaimana dikehendaki. Walaupun perlu menempuh pelbagai cabaran dan dugaan namun dengan adanya bantuan, sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak segalanya dapat dilaksanakan sebaiknya. Di atas segala pertolongan dan galakan yang telah dicurahkan, sukanya saya merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat sepanjang tempoh perlaksanaan kajian ilmiah ini.

Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak ternilai saya khaskan kepada Dr. Ahmad Suhaimi bin Mohd Noor, penyelia bagi kajian ini yang tidak pernah merasa jemu dalam memberi panduan, tunjuk ajar serta perhatian kepada saya. Ucapan terima kasih ini juga ingin saya tujukan kepada semua pensyarah Pasca Siswazah Fakulti Seni dan Muzik, ibubapa dan rakan-rakan seperjuangan kerana banyak membantu dalam memberi pandangan, komen dan khidmat nasihat.

Penghargaan dan perasaan terhutang budi serta jutaan terima kasih ini juga saya rakamkan kepada responden dalam kajian ini iaitu En. Abdul Rahman bin Katib Dolah selaku bekas ketua Kg. Pasir Durian, Puan Zabedah binti Hj. Teh dan Puan Noriah binti Mohd Ali selaku tokoh tradisional tembikar Tembeling Pahang serta tokoh moden tembikar Tembeling Pahang iaitu En. Mohammad bin Zakaria dan En. Fadil bin Zakaria yang banyak memberi kerjasama dan sokongan sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pahang iaitu En. Zubir yang banyak memberi gambaran dan informasi terhadap kesenian kraftangan tembikar di negeri Pahang.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan berasa bangga diatas keikhlasan, kerjasama, bantuan dan toleransi pihak pengurusan Kolej Profesional MARA Indera Mahkota Kuantan . Sekalung budi dan seikhlas rasa penghargaan buat isteri, Maisarah binti Ismail dan anakanda Muhammad Faris Izzuddin yang banyak memahami serta membantu dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih tidak terhingga di atas bantuan serta kerjasama yang turut disumbangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji perusahaan tembikar tembeling Pahang sebagai ekspresi kesinambungan warisan pendidikan budaya. Kajian mengkaji pandangan generasi terawal perusahaan ini dan juga pendapat daripada generasi muda terhadap kesedaran warisan pendidikan kebudayaan ini.

Data-data bagi menganalisis dapatan kajian ini diperolehi daripada data-data temubual, pemerhatian, dokumentasi, rakaman audio-visual dan rakaman video. Seramai lima orang responden menjadi sumber data bagi mendapatkan informasi. Responden terdiri daripada tokoh generasi tradisional dan tokoh generasi moden.

Kaedah kajian kualitatif secara deskriptif telah digunakan untuk membuat analisis data. Daripada analisis kajian ini, mendapati bahawa responden menganggap perusahaan tembikar Tembeling Pahang masih mempunyai kesinambungan daripada generasi terawal yang mengusahakannya. Kesinambungan warisan pendidikan budaya tersebut dapat dilihat dari aspek kemahiran, rekabentuk, motif atau ragamhias dan bahan asas.

Secara keseluruhannya, daripada kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa kesinambungan warisan pendidikan budaya iaitu melalui perusahaan tembikar Tembeling Pahang masih wujud dan perlu dikekalkan. Badan-badan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKKWA) menjadi pendokong kepada kesinambungan warisan pendidikan budaya ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This research is conducted to study Tembeling pottery industry as it is an expression of the continuity of cultural heritage study. The study covers the opinion of the earlier and the present generation of the industry towards their awareness in educating people to preserve the naturality of the production.

Data was taken from interviews, observations, documentations, audio-visual recordings as well as video recordings. There were five respondences – individuals from older and younger generation who involve in this industry as source of information.

Descriptive method of qualitative study was used in analyzing data. Analysis had shown that respondences believe that Tembeling pottery industry still has the continuity from the earlier generation who had started earlier. It can be seen from various aspects such as skills, design, motives or pattern and materials.

Overall, the study had found that there is continuity in educating people the cultural heritage through Tembeling pottery industry and it has to be preserved. Organization such as Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia through Ministry of Arts, Culture and Heritage (KEKKWA) is among the backbones of the continuity.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		
BAB 1		
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Tujuan Kajian	5
1.4	Soalan Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Batasan Kajian	6
1.7	Sorotan Literatur	7
1.7.1	Teori Kebudayaan	7
1.7.2	Kebudayaan Sebagai Sistem Simbol	10
1.7.3	Teori Ekspresi	13
1.7.4	Ekspresi Dari Sudut Emosi	14
1.7.5	Ekspresi Dari Sudut Estetika	15
1.7.6	Ekspresi Dari Sudut Keindahan	16
1.7.7	Ekspresi Dari Sudut Agama (Kepercayaan)	16
1.7.8	Ekspresi Dari Sudut Simbol	17
1.8	Metodologi Kajian	18
1.8.1	Pendekatan Kajian Dan Rasionalnya	18
1.8.2	Instrumen Kajian	20
1.8.3	Skop Kajian	22
1.8.4	Sumber Data	22

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2		24
2.1	Tokoh Tembikar Tembeling Tradisional Di Kampung Pasir Durian Jerantut, Pahang – Bahagian 1	24
2.2	Rumusan	37
BAB 3		38
3.1	Tokoh Tembikar Tembeling Tradisional Di Kampung Pasir Durian Jerantut, Pahang – Bahagian 2	38
3.2	Kesimpulan Analisis Data Ketiga-Tiga Tokoh Tembikar Tembeling Tradisional	45
BAB 4		47
4.1	Tokoh Tembikar Tembeling Moden Di Kampung Temin Jerantut, Pahang – Bahagian 1	47
4.2	Rumusan	57
BAB 5		58
5.1	Tokoh Tembikar Tembeling Moden Di Kampung Temin Jerantut, Pahang – Bahagian 2	58
5.2	Kesimpulan Analisis Data Kedua-dua Tokoh Tembikar Tembeling Moden	60
BAB 6		63
6.1	Kesimpulan	63
6.2	Cadangan	64
6.3	Rumusan Dan Penutup	65
RUJUKAN		66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

		Muka surat
Rajah 1:	Kebudayaan sebagai sistem simbol yang dilihat dengan hierarki sibernatik (lihat Waters,1994: 150-151)	11
Rajah 2:	Model kesenian sebagai bahagian fungsional dalam kebudayaan.	12
Jadual 1:	Matrik Pengumpulan Data yang menunjukkan bagaimana kaedah pengumpulan data akan diambil dalam pengkajian ini.	21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI VISUAL

		Muka surat
Visual 1:	Encik Abdul Rahman bin Khatib Dolah bersama isteri Puan Zabedah binti Haji Teh.	24
Visual 2:	Rumah awal dan asal tokoh yang terlibat dalam bencana banjir besar pada tahun 1926.	27
Visual 3:	Sungai Tembeling tempat bermulanya aktiviti menghilir (berakit) sehingga ke Daerah Pekan.	29
Visual 4 :	Bengkel perusahaan tembikar Tembeling Pahang yang didirikan atas bantuan daripada peruntukan Pembangunan Luar Bandar dibawah selian Pejabat Daerah Jerantut.	30
Visual 5:	Tanah liat yang diambil dan dikeringkan disimpan didalam bekas.	32
Visual 6:	Tanah liat yang direndam semula untuk mendapat mendapan yang halus	33
Visual 7 :	Selut Tanah liat ditapis untuk mendapatkan selut yang halus.	33
Visual 8 :	Selut tanah liat yang halus selepas ditapis dan dibuangkan airnya.	34
Visual 9 :	Tempat melepa tanah liat.	34
Visual 10:	Batu pelicin dan alatan untuk menghasilkan corak di permukaan tembikar.	35
Visual 11:	Tembikar Terenang Tembeling Pahang yang dipercayai berumur lebih seratus tahun yang menjadi panduan dalam	37

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	membentuk dan mencorak bagi waris generasi seterusnya.	
Visual 12 :	Tokoh tembikar Tembeling tradisional iaitu Puan Noriah binti Mohd Ali.	38
Visual 13:	Batu sungai yang dijadikan sebagai alat pelicin dan pemampat tanah liat.	41
Visual 14:	Pondok atau balai informasi yang didirikan atas sumbangan dan bantuan oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan (KEKKWA).	42
Visual 15:	Pusat Penerangan Pelancongan Jerantut antara tempat pemasaran tembikar Tembeling Pahang.	43
Visual 16:	Tembikar Tembeling yang siap dibentuk dan dicorak disusun diatas para untuk dikeringkan selama tempoh dua minggu.	44
Visual 17:	Alatan dalam mencorak atau meletak ragam hias pada permukaan tembikar.	45
Visual 18:	Tokoh Tembikar Tembeling Moden iaitu En. Mohammad bin Zakaria	47
Visual 19:	Bengkel awal perusahaan tembikar Tembeling yang dikawal selia oleh En. Mohamad bin Zakaria di Kg. Pasir Durian.	48
Visual 20:	Papan tanda penunjuk arah bagi menunjukkan lokasi bengkel perusahaan Temin Kraf.	50
Visual 21:	Galeri untuk tujuan pameran, jualan dan promosi yang telah disumbangkan oleh pihak RISDA.	51

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Visual 22:	Tempat letak abu rokok yang telah menjadi sebahagian produk fungsional yang dihasilkan di Temin Kraf.	53
Visual 23:	Antara contoh tembikar tradisional (Terenang) yang masih dikekalkan identiti dalam penghasilan tembikar di Temin Kraf.	54
Visual 24:	Antara beberapa contoh tembikar Tembeling Pahang yang diberi nafas baru dengan menggabungjalin elemen moden dan kontemporari.	55
Visual 25:	Seorang pekerja di Temin Kraf yang dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan relau pembangkar.	56
Visual 26:	Tanah liat yang dibeli dari pengusaha tembikar yang lain disekitar kawasan Kuala Lumpur dan Ipoh, Perak.	56
Visual 27:	Tokoh generasi moden iaitu En. Fadil bin Zakaria	58

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

1.1 Latar Belakang Kajian

Tembikar adalah salah satu daripada contoh budaya benda yang paling asas dalam kehidupan manusia. Tembikar yang dihasilkan dari bahan tanah liat dengan teknologi sederhana di zaman awal khususnya Neolitik dipercayai wujud dihampir merata kepulauan Melayu sebelum munculnya zaman Dong-son. (Siti Zainon Ismail, 2000). Walau bagaimanapun, pada waktu itu, tembikar telah diistilahkan oleh pakar pengkaji arkeologi sebagai tembikar primitif (*primitive pottery*).

Di Malaysia amnya, penemuan tembikar terawal telah ditemui hasil daripada carigali oleh pakar-pakar arkeologi barat seperti I.H.N Evans, H.D Noone, William Hunt dan lain diantara tahun 1920an sehingga 1950an dan pada tahun-tahun berikutnya oleh pakar-pakar tempatan kita, (lihat Adi Haji Taha, 2000). Tembikar di Malaysia juga dikatakan bermula dengan kepelbagaian bahan bukti hasil penemuan di tapak carigali yang terkenal seperti di Gua Niah, Gua Cha (Kelantan), gua Bukit Tengku Lembu (Perlis), Kampong Sg. Lang (Kuala Langat) dan di Gua Badak (Perak), Kota Tampan (Perak) dan Tingkayu (Sabah). Penemuan bahan bukti di tempat carigali ini telah memberikan gambaran awal dan petunjuk tentang permulaan era penggunaan barangan tembikar disamping menjadi suatu petanda bahawa perkembangannya berlaku kira-kira 35000 tahun dahulu (Zaman Batu Awal/Paleolitik) yang mana penempatan penduduk awal ialah di gua batu kapur (lihat Chia, S. , 1997).

Sejarah telah membuktikan bahawa tembikar-tembikar telah wujud sejak zaman awal wujudnya manusia, iaitu bagi memenuhi keperluan mereka sendiri dalam kehidupan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sehari-hari. Secara tidak lansung kehadirannya memperlihatkan daya kreativiti dan seni kraftangan manusia yang tinggi mutunya walaupun mereka banyak mengalami rintangan baik bercorak fizikal, dan dari alam sekitar malah tanpa bantuan sebarang alat teknologi moden pada awal kewujudannya sehinggalah masa kini seperti yang kita nikmati kini. Memetik R.G. Collingwood (1958), yang menyatakan rekabentuk adalah sebuah hasil yang mementingkan kemahiran dan kecekapan tangan dalam mengolah atau mengubah bahan asas yang dipilih.

Tembikar merupakan salah satu artifek terpenting dalam penyelidikan arkeologi kerana ia mempunyai daya tahan yang agak lama selepas artifek batu yang mana kebanyakan penyelidikan arkeologi selalunya mengandungi laporan dan analisis mengenai tembikar, (lihat Adi Haji Taha, 2000). Penyelidikan arkeologi di Malaysia misalnya, menghubungkan masyarakat dengan bahan-bahan tembikar contohnya masyarakat di tapak Gua Cha, Kelantan dipercayai wujud sekitar 1250 – 1000 SM, Gua Harimau, Perak 1800 SM, Ban Chiang, 1000 – 3000 SM, Gua Niah Sarawak, (lihat Bellwood, 1985). Tinggalan dan penemuan bahan budaya benda Neolitik bukan sahaja mencakup tembikar (pottery) tetapi juga batu pengasah, pisau (yang terkenal pisau tembeling), tombak batu, dan batu penukul di Gua Cha (untuk hiasan baju kulit kayu), (lihat Winstedt, 1947, lihat juga Anuar Ab. Razak, 1989). Masyarakat di zaman ini telah mengamalkan aktiviti perburuan dan pertanian (bercucuk tanam) dan juga telah tinggal tetap di sesebuah kediaman sebagai bukti kehidupan manusia yang telah bertamadun dan berbudaya. Tidak lagi berpindah randah. Dengan ini waktu terluang telah digunakan untuk membuat tembikar, menganyam dan menenun (lihat Bellwood, 1985). Malah kelompok Negrito telah menghias diri, melakat tato pada tubuh mereka (Carey, 1976).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Leong Sau Heng (1990) menyatakan bahawa tembikar juga merupakan satu unsur yang penting dalam memahami dan mengetahui perkembangan sejarah kebudayaaan masyarakat kerana ianya melambangkan keupayaan manusia masa lalu menebusi satu kaedah pembuatan dan pengeluaran atau teknologi bagi kesejahteraan kehidupan sesuatu masyarakat terdahulu hinggalah masyarakat sekarang .

Berdasarkan kepada catatan Ivor H.N. Evans dalam jurnal FMS Vol. 9. No. 4 yang bertajuk *The pottery Industries At Kuala Tembeling* menyatakan bahawa negeri Pahang telah mempunyai industri tembikarnya sendiri. Penulisan beliau turut menjelaskan penggunaan tanah liat untuk membuat Terenang asalnya bewarna kuning sebelum dibakar. Tanah liat ini diperolehi dari bawah lapisan-lapisan batu di sebuah kawasan yang dikenali dengan nama Pasir Durian. Kajian "Tembikar Tembeling Pahang Sebagai Ekspresi Kesinambungan Warisan Budaya" bertujuan untuk mengkaji persejarahan, proses dan ekspresi tembikar tembeling Pahang sebagai cerminan warisan dan budaya. Melalui kajian ini juga, pengkaji cuba menjelaskan kepentingan industri kraf baik dalam lingkungan masyarakat mahupun pengaplikasiannya di bidang pendidikan khususnya Pendidikan Seni Visual seperti yang termaktub didalam matlamat pendidikan seni visual yang bertujuan melahirkan seseorang individu supaya bersifat lebih kreatif, inovatif, berimiginatif, berketerampilan serta menguasai teknologi dalam menghasilkan cita rasa dalam penciptaan Selain itu, ia juga bermatlamat dalam memahami nilai-nilai estetika dan memahami akan norma-norma kebudayaan yang berteraskan kebudayaan kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Pernyataan Masalah

Kepekaan dan kesedaran masyarakat tempatan terhadap program-program dan aktiviti berasaskan kraf masih lagi di tahap yang minimum. Salah satu aktiviti kraf yang kurang diberi perhatian adalah perusahaan tembikar Tembeling Pahang yang menjadi entiti kesenian kraf di negeri Pahang.

Tahap kesedaran masyarakat tempatan yang rendah terhadap usaha-usaha kesenian kraf adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kurangnya publisiti terhadap industri dan kesenian kraf, kecenderungan masyarakat terhadap budaya-budaya popular dan kontemporal seperti apresiasi seni digital, grafiti dan industri mesin menyebabkan kesedaran dan apresiasi terhadap kraf semakin terhakis.

Pengetahuan masyarakat umum terhadap industri kraf yang begitu minimum mengakibatkan apresiasi dan kesedaran terhadap usaha kraf terbantut malah diinstitusi pendidikan sendiri, pembelajaran berasaskan kraf kian terpinggir. Sebagai contoh, pembelajaran pendidikan seni visual diperingkat sekolah tidak menekankan secara mendasar aktiviti –aktiviti dan pembelajaran kraf, begitu juga di institusi pengajian tinggi baik awam mahu swasta yang tidak menawarkan kursus-kursus pengajian berasaskan kraf kecuali satu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Permasalahan-permasalahan ini yang menjadi faktor penulis menjalankan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Tujuan Kajian

Penelitian kajian ini dijalankan bertujuan untuk memahami asal-usul tembikar tembeling yang menjadi entiti kesenian kraf di negeri Pahang sebagai salah satu warisan budaya negara yang tidak harus dilupakan. Melalui pengkajian yang dijalankan, ianya diharapkan dapat meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat amnya generasi muda lalu melahirkan lebih ramai penggiat seni kraf agar kesinambungan warisan pendidikan budaya ini tidak terus lenyap begitu sahaja.

Kajian ini juga dibuat untuk mengenalpasti peranan institusi perusahaan tembikar di negeri Pahang samada institusi yang dijalankan secara persendirian ataupun daripada inisiatif kerajaan seperti bengkel-bengkel kraf anjuran Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan menghuraikan secara holistik penerimaan masyarakat terutamanya generasi muda dalam memartabatkan kesenian kraf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Soalan Kajian

Secara umumnya penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut :

- Adakah perusahaan kraf ini dapat dilihat sebagai kesinambungan pengekalan warisan kraf tradisi?
- Adakah dengan kewujudan perusahaan kraf ini boleh membantu meningkatkan lebih ramai penggiat kraf?
- Apakah tahap kesedaran generasi muda terhadap perusahaan tembikar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, diharapkan ianya dapat memberikan gambaran yang jelas dalam memahami proses penghasilan tembikar Tembeling Pahang secara tradisional dan moden.

Pengkajian ini juga dapat memberi pendedahan kepada masyarakat amnya generasi muda yang meminati hasil-hasil kesenian kraf terutamanya seni tembikar. Kajian yang dijalankan turut melihat kepentingan hasil-hasil kraf yang ekspresif sebagai wadah kesinambungan warisan budaya.

Hasil daripada kajian ini, diharapkan dapat menjadi panduan dalam Pengajaran dan Pembelajaran bagi subjek pendidikan seni visual terutamanya pembelajaran yang berorientasikan kraf. Pengkajian ini juga dilihat dapat membantu para pengkaji yang akan datang dalam mengetahui dan mendalami tentang tembikar Tembeling Pahang secara lebih mendasar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji tidaklah bertujuan memberi gambaran yang total terhadap permasalahan yang dinyatakan. Kajian ini hanya menumpukan soal perusahaan tembikar Tembeling Pahang yang terletak di Kampung Pasir Durian dan Kampung Temin di Jerantut Pahang sahaja dan tidak melibatkan perusahaan kraf-karaf yang lain dalam melihat kesinambungan pengekalan warisan pendidikan budaya dalam penghasilan tembikar Tembeling Pahang.

Pengkajian ini melibatkan lima orang responden yang terdiri daripada tokoh tradisional dan moden bagi perusahaan tembikar Tembeling Pahang iaitu dari generasi kedua dan ketiga. Dari aspek tempoh dan masa, ianya hanya mengambil masa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

singkat iaitu selama empat bulan bermula Disember 2007 sehingga Mac 2008 dalam mendapatkan data dan maklumat mengenai segala permasalahan kajian. Perancangan masa ini telah mengambil kira faktor pengkaji untuk berulang-alik dari Kuantan ke Jerantut Pahang yang melibatkan jarak sejauh 230 kilometer sehala

Selain itu, pengkaji hanya mendapat maklumat secara lisan daripada responden kerana tiada sumber dokumentasi bertulis bagi menyokong pernyataan responden.

1.7 Sorotan Literatur

1.7.1 Teori Kebudayaan

Kebudayaan telah didefinisikan sebagai pengetahuan, kepercayaan, dan nilai-nilai yang holistik dimana ianya dimiliki oleh manusia sebagai makhluk sosial; yang didalamnya merupakan peringkat-peringkat model pengetahuan atau sistem-sistem makna yang terjalin secara menyeluruh dalam simbol-simbol yang dikembangkan secara persejarahan. (lihat Profesor Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000)

Kebudayaan wujud, berkembang dan dikekalkan di dalam tradisi-tradisi sosial sebuah masyarakat. Kebudayaan adalah milik masyarakat yang digunakan secara bersama sebagai panduan atau kerangka acuan untuk bertingkah laku sempena memenuhi keperluan hidup para ahli masyarakat yang berkenaan. Tingkah laku sosial suatu ahli masyarakat tidaklah bebas daripada kebudayaan yang pada asasnya merupakan kompleks pengetahuan, nilai-nilai , gagasan-gagasan vital, serta keyakinan-keyakinan atau kepercayaan-kepercayaan yang menguasai mereka (Budhisantoso 1981/1982; Bachtiar, 1980). Maknanya, kebudayaan akan tampak peranannya sebagai mekanisma kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi tingkah laku manusia (Geertz, 1973), atau sebagai pola-pola bagi tingkah laku (Keesing dan Keesing, 1971), atau strategi kognitif bagi melakukan adaptasi terhadap persekitarannya (spradly, 1972; Rapoport, 1969)

Dalam pengertian kebudayaan tersirat pula pemahaman: (1) bahawa kebudayaan ini dialihkan daripada satu generasi ke generasi lainnya yang dengan demikian kebudayaan dapat dilihat sebagai suatu warisan atau tradisional sosial, (2) kebudayaan ini dipelajari dan bukanlah merupakan suatu warisan yang bersifat genetik, (3) kebudayaan itu dihayati dan dikongsi bersama oleh para ahli masyarakat pendukungnya. Justeru itu, jelaslah bahawa kebudayaan tingkah laku budaya itu merupakan hasil daripada proses belajar yang berterusan. Proses belajar ini berlangsung secara teratur apabila pelajar mula memiliki pengalaman-pengalaman pada peringkat awal dalam kehidupannya dan terus berlangsung sehingga beberapa masa berikutnya, utamanya dipersekitaran keluarga utamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil-hasil penyelidikan rintis daripada Luigi Cavalli-Sforza dan Marcus Feldman (1970) yang mana metod ini telah diadaptasikan ke dalam pengkajian Evolusi Budaya yang mengungkapkan:

- Manusia memperoleh informasi daripada manusia/masyarakat yang lain melalui proses pengajaran dan pembelajaran.
- Perkembangan kebudayaan tidak sempurna, jadi perkembangan itu tidak selalunya tepat.
- Manusia mencipta pelbagai jenis budaya, menjadikan sistem kebudayaan sebagai warisan untuk memperoleh variasi budaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Manusia turut mengambil dan memilih variasi kebudayaan untuk diadaptasi kedalam penghidupan.

Pandangan Moore (1991) yang menyatakan:

"peranan penglibatan individu dalam merekacipta kebudayaan atau interaksi diantara bahasa dan budaya untuk mencipta makna. Pembelajaran budaya adalah proses mendapatkan pengetahuan budaya secara umum dan spesifik, kemahiran dan nilai sikap agar komunikasi dan intraksi dengan individu dari budaya yang berbeza berjalan secara efektif."

June King Mc Fee dan Degge, R (dalam Md. Nasir Ibrahim, Prof Madya Iberahim Hassan, 2003) mengatakan bahawa seni adalah kebudayaan sesuatu masyarakat kerana ia adalah penjelmaan beberapa bahagian nilai sikap dan kepercayaan sesuatu masyarakat itu. Menerusi hasil seni sebenarnya seseorang itu boleh mempelajari sesuatu yang unik terhadap sesuatu masyarakat.

Pandangan Graeme Chalmers (1986) yang memperkatakan tentang rumpun bangsa dari pelbagai aspek kebudayaan serta perhubungan atau interaksi antara sesuatu bangsa. Pendekatan Chalmers yang menggunakan Model Etnologi dilihat sebagai satu langkah untuk melihat interaksi budaya dalam masyarakat majmuk di Amerika yang mana tujuannya antara lain untuk memupuk semangat perpaduan dan rasa hormat antara kaum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Kebudayaan sebagai sistem simbol

Kebudayaan sebagai sistem simbol mempunyai tafsiran yang amat luas. Semua objek yang terhasil dari kebudayaan mempunyai makna yang disebut simbol. Pengertian simbol dari pandangan semiotik (ilmu tanda) bermaksud sebagai suatu tanda berdasarkan kesepakatan yang dibentuk secara bersama oleh masyarakat atau budaya dimana simbol itu berlaku, sehingga hubungan antara apa yang disebut penanda (signifiant) dan petanda (signify) adalah bersifat arbiter (bebas), (lihat A. Teeuw, 1984, lihat juga Toeti Heraty Noerhadi, 1992).


Kebudayaaan sebagai sistem simbol lebih bersifat abstrak dan sukar untuk di fahami tetapi sebagai aktiviti manusia yang kompleks yang dipandang sebagai sistem sosial, lebih konkrit serta mudah difahami (lihat Koentjaraningrat, 1985).

Pemikiran Geertz (1973) memperihalkan tentang kebudayaan dan simbol menjelaskan bahawa, sistem simbol yang dicipta oleh manusia, dan secara konvensional digunakan bersama, teratur dan benar-benar dipelajari, memberi manusia suatu kerangka yang penuh dengan erti untuk mengorientasikan dirinya kepada yang lain, kepada lingkungannya, dan pada dirinya sendiri; sekaligus juga sebagai produk dan ketergantungan dengan interaksi sosial. Simbol-simbol berfungsi sebagai proses kehidupan sosial, sehingga sistem simbol diibaratkan sebuah program komputer yang berfungsi sebagai pengoperasian.

Kebudayaan yang merangkumi sistem simbol dapat dilihat dalam model Parson yang menjelaskan empat fungsi keperluan dalam kebudayaan seperti rajah dibawah;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 1:
Kebudayaan sebagai sistem simbol yang dilihat dengan hierarki sibernatik (lihat Waters,1994: 150-151)

Dalam rajah diatas, dua anak panah menunjukkan proses yang saling berkait diantara prasyarat fungsional. Sub-sistem yang berada dikedudukan lebih tinggi atau diatas hakikatnya berfungsi memberi kawalan "informasi"; sementara sub-sistem yang berada dikedudukan lebih rendah atau dibawah berfungsi memberi reaksi "kekuatan". Susunan sub-sitem - sub-sistem itu dengan andaian bahawa semua sub-sistem mengarah kepada keseimbangan (*equilibrium*).

Untuk memahami hubungan sub-sistem simbol konstitutif (agama) dan subsistem simbol ekspresif (seni) dengan teori sibernatik ini ialah simbol konstitutif yang berada lebih atas berfungsi secara langsung memberi pengawalan "informasi" dengan *latent pattern-maintenance* kepada simbol ekspresif ; sementara simbol ekspresif yang berada dibawah berfungsi memberi reaksi "kekuatan" untuk mencapai tujuan kepada simbol konstitutif. Model kesenian dapat dilihat dalam penerangan gambar rajah di muka surat sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2:
Model kesenian sebagai bahagian fungsional dalam kebudayaan.

Berdasarkan pada rajah 2 yang melihat kepada Model kesenian sebagai bahagian fungsional dalam kebudayaan, perkaitannya dapat dibuat dengan institusi tembikar seperti yang dinyatakan oleh Prof. Madya Dr. Othman Yatim dalam prosiding seminar Tembikar: Dari Warisan Ke Warisan, (30 hingga 31 hb Mei 2000) menjelaskan sejarah telah membuktikan bahawa tembikar-tembikar telah wujud sejak zaman awal wujudnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia, iaitu bagi memenuhi keperluan mereka sendiri dalam kehidupan sehari-hari. Secara tidak lansung kehadirannya memperlihatkan daya kreativiti dan seni kraftangan manusia yang tinggi mutunya walaupun mereka banyak mengalami rintangan baik bercorak fizikal, dan dari alam sekitar malah tanpa bantuan sebarang alat teknologi moden pada awal kewujudannya sehinggalah masa kini seperti yang kita nikmati kini.

Pandangan Prof. Madya Dr. Othman Yatim turut mendapat sokongan daripada Adi Haji Taha yang membentangkan kertas kerja beliau dalam prosiding Seminar Tembikar Dari Warisan ke Warisan (30 hingga 31 hb Mei 2000) menulis berkaitan tentang tembikar pra sejarah yang mana arkeologis sering mengaitkannya sebagai petanda satu perubahan (*cultural marker*) dalam sejarah perkembangan kebudayaan manusia dan masyarakat iaitu dari satu corak hidup dan aktiviti ekonomi memburu mengumpul (*hunting and gathering*) kepada sistem ekonomi yang lebih menetap atau separa menetap (*sedentary atau semi-sedentary*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Teori Ekspresi

Ekspresi merupakan kriteria-kriteria tingkahlaku organik dan bukan organik yang menunjukkan penampilan dinamik persepsi objek ataupun peristiwa. Dalam erti kata yang khusus, ekspresi wujud hanya bila mana ekspresi minda diluahkan. Mimik muka dan gerak badan manusia diluahkan samada dari aspek dalaman dan dilihat sejajar dengan ekspresi gerak badan haiwan, tetapi batuan, air terjun serta kilat sepatutnya membawa nilai ekspresi dalam tindak figuratif yang tidak ada perkaitan langsung dengan analogi tingkahlaku manusia (lihat, Arnheim, 1950).

Pandangan Arnheim terhadap ekspresi sekiranya dikaitkan dengan penciptaan tembikar turut dikongsi oleh Siti Zainon Ismail (1986) melalui penulisannya yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan ekspresi bagi penciptaan motif-motif tembikar didapati dalam dua jenis bentuk yang digemari oleh tukang tembikar, iaitu gaya geometri dan organik. Motif yang dikategorikan sebagai simbol keindahan budaya melayu ialah alam kehidupan seperti motif pucuk rebung dan bunga. Walaupun penciptaan bentuk motif dibuat dengan gaya geometri tetapi unsur yang digunakan mengambil idea daripada alam. Motif bunga lawang dibentuk daripada lima garis yang berhubung menjadi bentuk potong wajik.

1.7.4 Ekspresi Dari Sudut Emosi

Seni dalam konteks yang lebih luas ialah hasil pernyataan perasaan manusia sebenarnya. Hasil seni dan produk seni sebenarnya hasil dari pengumpulan idea, emosi, perasaan dan dibantu dengan ilmu-ilmu bantuan lain dalam melalui proses penciptaan karya seni.

Dalam konteks ekspresi dari sudut emosi, sesuatu bentuk pernyataan perasaan atau emosi itu amat berbeza dengan perbuatan melahirkan emosi. R.G. Collingwood (1958) dalam *The Principles of Art* menyatakan bahawa seniman tidak dapat mengetahui akan bentuk emosi dan perasaannya selagi dia tidak mengeluarkannya yang mana hasil yang dikeluarkan oleh seniman itu adalah dari kegiatan dan penerokaan emosi atau perasaannya.

Perasaan dan emosi sekiranya dikaitkan dengan ekspresi dalam penghasilan tembikar turut dibahaskan oleh Dr. Othman Mohd. Yatim (1988) yang menjelaskan bahawa hampir kesemua motif atau rekacorak atau dekorasi yang dihasilkan ke atas tembikar Melayu kita bertolak daripada sumber atau unsur alam semulajadi. Alam yang luas dan segala keindahan yang wujud di sekeliling sering dijadikan sumber inspirasi pencipta-pencipta. Imej dan motif diolah, diringkas atau dipermudah, dan seterusnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikembangkan melalui khayalan, emosi dan kreativiti petukang yang mencipta bentuk tembikar itu sendiri.

1.7.5 Ekspresi Dari Sudut Estetika

Perkataan estetik seringkali digunakan diucapkan amnya dalam kegiatan kesenian dan kebudayaan. Ini disebabkan estetik dari segi prinsipnya mempunyai kaitan dengan berbagai-bagai perkara khususnya yang merujuk kepada inkuiri teori seperti falsafah, psikologi dan sosiologi (Redfern, 1986)

Estetik bermaksud 'sains tentang keindahan', suatu refleksi berbentuk falsafah tentang sifat-sifat keindahan (Crawford, D.W., 1991). Istilah estetik diambil daripada bahasa Inggeris *aesthetics* yang diadaptasi daripada perkataan Greek *aesthenesai*, yang bermaksud 'untuk mengamati'. Merujuk pandangan Dobbs (1998) esteteik sebagai sejenis pengalaman penemuan dan penerokaan yang aktif

Menurut pandangan Syed Ahmad Jamal (1979), estetika adalah mengenai nilai selera dan kepekaan, mengenai rasa indah terasing daripada sesuatu yang berguna. Estetik sangat berkait rapat dengan pengamatan deria terhadap sesuatu barang atau keadaan yang menekankan aspek-aspek seni.

Dalam proses pengamatan nilai estetika, sesuatu benda itu diasingkan daripada keadaan, seterusnya diamati, sungguhpun kita sedar dengan kaitan dan peranannya. Menurut Syed Ahmad Jamal lagi, teori 'rasa' indera adalah mengenai pengalaman estetika dengan memberi pembentukkan kepada emosi. Teori ini menyusun dan mengukur pangkat pengamatan terhadap karya seni.

Pandangan Syed Ahmad Jamal turut dijelaskan oleh Dr. Othman Mohd. Yatim (1988) yang menyatakan bahawa setiap hasil ciptaan petukang tembikar ternyata bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja mempunyai fungsi yang tertentu tetapi mempunyai nilai estetika yang tinggi. Petukang tembikar berjaya melahirkan atau mengeksploitasi benda-benda yang terdapat dalam alam persekitaran mereka dengan hasil yang cukup bermanfaat.

1.7.6 Ekspresi Dari Sudut Keindahan

Keindahan merangkumi makna, yang membawa pengertian seperti elok, molek, cantik, anggun, bagus, lembut, stabil, seimbang, padu, hening, tenang, hampa, suram, dinamik, kukuh, hidup, gerak, hambar, sentimental, dan tragis demikian dikemukakan Sibley dan Hungerland (dalam Osborne, 1970).

Wincklemann (dalam Mohd Johari Ab. Hamid, 2004) berpendapat bahawa seseorang seniman atau pengemar seni perlu terus melatih pancaindera mereka yang mana dengan latihan yang berterusan berupaya untuk menikmati keindahan dengan kadar yang sebenarnya melalui kebolehan intelektual. Beliau juga berpendapat, keindahan itu mestilah mengandungi ciri-ciri kesatuan, kesederhanaan dan perasaan.

1.7.7 Ekspresi Dari Sudut Agama (kepercayaan)

Agama dan seni secara empirik mempunyai hubungan yang erat pada mulanya, kerana ianya mempunyai unsur yang sama iaitu ritual dan emosi. Ritual merupakan perubahan simbolis dan ungkapan perasaan dari pengalaman manusia, dan hasil akhir dari alkulturasi yang demikian itu merupakan emosi yang spontan, dan kompleks. (langer, 1957).

Ekspresi tembikar jika dikaitkan dari sudut kepercayaan mendapat perhatian Siti Zainon Ismail (1988) dalam jurnal artikel kebudayaan yang menyatakan tembikar juga digunakan sebagai bekas perasapan untuk membakar kemenyan. Perasapan masih digunakan sehingga kini dalam upacara yang berkaitan dengan keagamaan, misalnya dalam upacara doa selamat, kenduri, pengurusan jenazah dan lain-lain. Untuk tujuan perembunan pula,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tembikar digunkan sebagai bekas untuk menakung air embun atau mengembunkan bahan-bahan tertentu, yang digunakan untuk upacara kepercayaan. Bekas ini digantung diluar rumah semalaman untuk menakung air embun. Disekeliling bekas perembunan dihiasi dengan teknik catan ataupin guris. Penggunaan alat ini secara tidak langsung dapat menyingkap beberapa amalan masyarakat Melayu lama. Antara kepercayaannya ialah khasiat mandi air embun dapat mengekalkan kemudaan atau menyebabkan kekebalan diri.

1.7.8 Ekspresi Dari Sudut Simbol

Seni sebagai hasil ciptaan yang berbentuk karya seni, merupakan hasil simbolisasi manusia, disini dapat difahami bahawa pembentukan simbol itu bersifat abstrak (lihat Langer, 1957).

Dalam hal ini Langer masih dipengaruhi pandangan Cassirer yang menyatakan bahawa simbol itu adalah representasi dari subjek, yang merupakan konsepsi manusia tentang objek, sehingga " simbol" semata-mata bukan merujuk pada benda (material) tetapi lebih lepada konsep. Simbol seni semata-mata bukanlah bermaksud objektif representasi secara realiti atau fakta melainkan realiti yang dilihat secara subjektif atau subjektifnya seniman sehingga bentuk simbolik yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri yang sangat khas disebut forma atau bentuk yang hidup (living form) didasari ekspresi kemanusiaan (lihat Langer, 1957).

Sebagai sistem simbol, kesenian berfungsi sebagai interaksi manusia yang terlibat dan berhubungkait dengan sistem simbolik (lihat Cassirer dalam Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000). Simbol juga merupakan kompenan utama dalam kebudayaan yang mana setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian atau apa yang dilihat oleh manusia telah diolah menjadi rangkaian simbol yang dapat difahami manusia (lihat Suparlan dalam Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000).

Menurut Parsons (1951), simbol-simbol dalam kesenian adalah simbol ekspresif yang berkaitan dengan perasaan atau emosi manusia yang sentiasa berinteraksi dalam kegiatan atau komunikasi seni yang mana ia dilihat sebagai simbol, atau kategori tempat yang dibuat oleh manusia secara sengaja, didalamnya terkandung simbol bebas (*Arbitary symbol*) atau simbol ikonik (*Iconic symbol*).

Jika dilihat ekspresi simbolik pada tembikar-tembikar dahulu, motif pucuk rebung paling banyak digunakan dalam pelbagai cara atau rupa, serta mengikut kawasan. Bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan, pucuk rebung yang terdapat pada tembikar dan menjadi pilihan utama dalam penghasilan kain batik dan songket juga membawa makna simbolik, iaitu sebagai hikmat dan lambang kesuburan dalam kepercayaan masyarakat Melayu (lihat Siti Zainon Ismail, 1988).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 METODOLOGI KAJIAN

1.8.1 Pendekatan Kajian dan Rasionalnya

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif secara deskriptif dengan menggunakan pendekatan multidisiplin mengikut jangkamasa yang telah ditetapkan. Kajian secara kualitatif merupakan kaedah penyelidikan yang mengkaji tentang nilai-nilai kemanusiaan, sikap, perilaku manusia dan budaya. Penyelidikan yang dijalankan ini mengkaji aspek-aspek ekspresi dalam penghasilan tembikar Tembeling Pahang. Individu yang terlibat di dalam penghasilan kraf dan masyarakat yang menggunakan hasil-hasil karya seni kraf ini di dalam kehidupan sosial. Sehubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan itu , kajian ini dijalankan untuk memahami ekspresi tembikar Tembeling Pahang sebagai kesinambungan warisan pendidikan kebudayaan.

Metodologi menurut Dr. Othman Puteh dan Encik Wong Khek Seng (1997) bahawa:

"Metodologi E : Metodik ilmu pengetahuan tentang metode dipakai dalam bidang akademik dan berfikir baik-baik untuk melakukan sesuatu (dalam ilmu pengetahuan dan sebagainya). Cara menyelidik (mengajar dan sebagainya) : 2, buku pelajaran (kaedah belajar)".

Begitu juga menurut Leukimia Myratales (1996) dalam ensklopedia Malaysia bahawa Metodologi merangkumi:

"Ilmu tentang metode atau disiplin yang digunakan secara melakukan kajian tertentu untuk mencapai tujuan tertentu. Metodologi sering diertikan sebagai cabang yang merumuskan dan menganalisa prinsip-prinsip yang terang untuk mendapat kesimpulan, umumnya setiap kajian tentang sesuatu dapat diterangkan melalui kaedah-kaedah yang bersifat induksi dan dedukasi. Oleh itu metodologi adalah satu istilah umum yang diwujudkan di dalam metode khusus setiap ilmu pengetahuan. Pengertian ini hanya dapat difahami apabila membuat analisis terhadap struktur ilmu pengetahuan khusus. Dalam menentukan struktur tema tersebut perlu dipertimbangkan bahan kajian, permasalahan kajian, cara objek berkembang, jenis atau bentuk pernyataan, andaian yang dibuat, keserasian teori dan penerapannya".

Kaedah yang digunakan dalam tinjauan lapangan ini ialah kaedah kualitatif. Menurut Hassan Hamzah dalam Kamus Melayu Global (1997) iaitu Kualitatif berdasarkan mutu.

Dalam pengkajian ini merangkumi pendekatan multidisiplin yang merupakan ciri-ciri yang terkandung dalam metodologi kajian seperti sejarah, perkembangan, nilai estetika, sosial, ekonomi dan geografi. Dalam aspek estetika seni , kajian telah dijalankan di atas hasil seni kraf iaitu seni kraf tembikar. Pengkajian telah dijalankan daripada pelbagai aspek iaitu teknik pembuatan , idea , material , motif , corak ,warna, unsur dan simbolik. Pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan beberapa kaedah atau metod seperti pengumpulan data , pemerhatian , temubual dan rakaman visual .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Instrumen Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen-instrumen kajian kualitatif seperti temubual, pemerhatian, dokumentasi, rakaman audio-visual, rakaman video bagi menganalisis data

Temubual

Kaedah temubual membolehkan maklumat dijelajahi dengan lebih mendalam dan terperinci berbanding dengan kaedah soal selidik. Pengkaji telah menyediakan struktur soalan – soalan yang akan dikemukakan kepada informer sebagai panduan semasa proses temubual dijalankan.

Pemerhatian

Manakala dalam kaedah pemerhatian, Pengkaji akan membuat penelitian terhadap teknik pembuatan , idea , material , motif , corak ,warna, unsur dan simbolik yang terdapat pada tembikar Tembeling Pahang.

Pengumpulan Dokumen

Kaedah pengumpulan dokumen dijalankan dengan tujuan memperolehi data yang lebih banyak dan memastikan kesahihan data berbanding dengan data temubual dan data pemerhatian. Sumber dokumen dapat diperolehi daripada buku-buku di perpustakaan dan risalah – risalah yang berkaitan. Dengan penggunaan kaedah-kaedah tersebut, pengkaji telah menjawab tujuan objektif dan permasalahan kajian. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan metodologi penyelidikan seperti yang tertera didalam jadual matrik pengumpulan data seperti jadual 1 di muka surat sebelah;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matrik Pengumpulan Data

Kaedah Pengumpulan Data							
No	Data	Pemerhatian	Temubual	Dokumen	Rakaman Visual	Rakaman Audio /Visual	Sumber Data
1	Tokoh atau Seniman kraf tembikar Tembeling Pahang di Kampung Pasir Durian dan Kampung Temin Jerantut Pahang.		/		/	/	Lapangan
2	Asal-usul perusahaan tembikar tembeling Pahang		/	/		/	Lapangan
3	Fungsi Penghasilan tembikar Tembeling Pahang tradisional dan moden		/	/		/	Lapangan, Buku, Jurnal
4	Kaedah Penghasilan tembikar tembeling tradisional Pahang	/	/		/	/	Lapangan
5	Bentuk dan ragamhias tembikar tradisional dan moden	/	/		/	/	Lapangan, Jurnal
6	Institusi yang meningkatkan seni kraftangan			/			Buku-buku yang berkaitan
7	Kesedaran generasi muda terhadap perusahaan atau industri tembikar		/		/	/	Lapangan

Jadual 1:
Matrik Pengumpulan Data yang menunjukkan bagaimana kaedah pengumpulan data akan diambil dalam pengkajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rakaman Audio-visual

Kaedah rakaman audio-visual, membolehkan pengkaji merakamkan segala sesi temubual dan observasi dalam bentuk audio-visual agar pengumpulan data lebih konkrit serta memudahkan proses analisis data dijalankan dengan tersusun dan berstruktur.

Segala aktiviti yang berlangsung sewaktu sesi temubual dan rakaman lokasi akan dirakamkan dalam bentuk artifak visual (gambar foto) dan audio meliputi, interaksi bersama tokoh tembikar tradisional dan moden .

Rakaman Video

Rakaman berbentuk video meliputi sesi wawancara secara menyeluruh dengan tokoh tembikar tradisional dan moden. Rakaman video turut merakamkan lokasi kajian, hasil-hasil tembikar Tembeling, motif-motif yang terdapat pada tembikar, jenis-jenis tembikar dan peralatan-peralatan bagi menghasilkan tembikar.

1.8.3 Skop Kajian

Fokus kajian tertumpu kepada sekitar kawasan negeri Pahang iaitu bermula dengan kunjungan ke Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Pahang bagi mendapatkan maklumat, pandangan dan nasihat terhadap perkembangan kraf di negeri Pahang khususnya yang melibatkan pembuatan tembikar di negeri Pahang. Kajian selanjutnya dilakukan di pusat perusahaan kraf tembikar tradisional di Kampung Pasir Durian dan Kampung Temin yang terletak di Jerantut, Pahang.

1.8.4 Sumber Data

Sumber data melibatkan tiga orang responden dari generasi awal yang akan mengkaji persejarahan, teknik pembuatan, corak dan ragam hias, material, fungsi dan ritual yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan manakala dua orang responden dikalangan generasi muda pula diperlukan untuk mendapatkan maklumat tentang kesedaran generasi muda terhadap perusahaan atau industri tembikar yang terdapat di daerah Jerantut, Pahang. Kajian juga akan melibatkan organisasi seperti pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan negeri Pahang untuk mendapatkan dokumen bertulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

2.1 Tokoh Tembikar Tembeling Tradisional Di Kampung Pasir Durian Jerantut, Pahang - Bahagian 1

Encik Abdul Rahman bin Khatib Dolah (78 tahun, 2808340)

Puan Zabedah binti Haji Teh (75 tahun, 2808341)



Visual 1:
Encik Abdul Rahman bin Khatib Dolah bersama isteri
Puan Zabedah binti Haji Teh

Encik Abdul Rahman bin Katib Dolah dan isterinya iaitu Puan Zabedah binti Haji Teh merupakan penduduk asal Kampung Pasir Durian, Jerantut Pahang. Beliau pernah menjadi Ketua Kampung Pasir Durian selama 12 tahun sewaktu berusia 58 tahun manakala isterinya, Puan Zabedah binti Haji Teh merupakan penggiat tembikar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masih lagi aktif sehingga ke hari ini sehingga pernah mendapat kepercayaan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Negeri Pahang untuk melantiknya menjadi tenaga pengajar atau demonstrator sekiranya ada pameran dan demonstrasi kraf berkaitan tembikar di seluruh negara. Latar belakang pendidikan Encik Abdul Rahman dan isteri bermula di sekolah melayu sehingga darjah tujuh dan terhenti apabila jepun menakluk Melaya pada tahun 1942. Perkahwinan Encik Abdul Rahman bin Katib Dolah dan Puan Zabedah binti Haji Teh telah dikurniakan dengan 6 orang cahaya mata. Daripada keenam-enam anak mereka, tiada seorang yang mengikut jejak langkah beliau. Mereka lebih senang dan selesa bekerja makan gaji daripada mengusahakan tembikar tradisional. Encik Abdul Rahman ketika ini sudah tidak lagi mengusahakan tembikar Tembeling. Usaha beliau kini diteruskan oleh isteri dan anak saudaranya yang menjalankan perusahaan ini di Kampung Pasir Durian.

Melalui temubual, rakaman audio-visual dan rakaman video yang dijalankan, dapat dilihat bahawa perusahaan kraf tembikar Tembeling Pahang ini telah memperlihatkan kesinambungan dalam mengekalkan warisan kraf tradisi. Analisis temubual dengan dua tokoh penggiat tembikar generasi kedua iaitu Puan Zabedah binti Haji Teh bersama suaminya iaitu Encik Abdul Rahman bin Katib Dolah telah menyatakan bahawa kesedaran dan perkembangan kesinambungan kraf tembikar telah wujud sejak dahulu lagi.

Menurut suami Puan Zabedah, kemahiran membuat tembikar ini telah wujud sejak dari dahulu lagi dan kemahiran ini telah diwarisi secara turun temurun. Kemahiran ini diperturunkan kepada kaum wanita yang mana pada masa itu kaum wanita selain melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu mereka mempunyai masa lapang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menghasilkan tembikar berbanding kaum lelaki yang lebih menjurus kepada aktiviti pertanian dan penternakan.

Tahun 1926 merupakan tahun yang menjadi titik tolak berlakunya kewujudan perusahaan tembikar Tembeling Pahang. Menurut beliau, pada tahun 1926 ini telah berlakunya bencana banjir besar yang berlaku di hampir setiap pelusuk negeri Pahang dan Kampung Pasir Durian juga menerima kesan kemusnahan yang teruk akibat bencana banjir itu lebih-lebih lagi kedudukan kampung ini terletak tidak jauh dari sungai Tembeling. Banjir besar itu telah memperlihatkan kemusnahan hasil tanaman, ternakan, dan peralatan asasi seperti alatan pertanian dan dapur. Air bah yang naik tinggi sehingga tinggal enam kaki sahaja lagi untuk mencecah aras bumbung telah menenggelamkan banyak rumah di kampung tersebut dan ini telah memberikan satu tamparan dan keperitan hidup masyarakat kampung dalam meneruskan kehidupan seharian selepas banjir.

Walaupun banjir besar itu telah memberi kesan yang mendalam kepada penduduk setempat, ia juga diibaratkan mendatangkan rahmat dan petunjuk dalam mewujudkan kegiatan perusahaan tembikar. Menurut beliau lagi, selepas surutnya banjir, penduduk kampung pada masa itu telah menemui tanah yang sesuai kesan daripada pokok yang tumbang dimana bahagian umbinya telah menguraikan ketulan tanah (dipercayai tanah liat) yang mana sifatnya boleh dipicit atau dibentuk dengan mudah. Hasil penemuan itu, penduduk kampung telah mengambilnya dan mencuba untuk membentuk bekas bagi memasak dan menyimpan air. Selepas dibakar dan diuji penggunaanya beberapa kali didapati tembikar yang dibentuk menggunakan tanah yang ditemui mempunyai daya ketahanan terutamanya dalam aktiviti memasak dan menyimpan air.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 2:
Rumah awal dan asal tokoh yang terlibat dalam bencana banjir besar pada tahun 1926.

Disebabkan penemuan itu, penduduk Kampung Pasir Durian pada amnya yang terdiri daripada kaum wanita rancak menghasilkan tembikar yang mana alatan pertama yang dihasilkan adalah tembikar "Belanga" Tembeling untuk tujuan memasak dan kemudiannya pula menghasilkan tembikar "Terenang" Tembeling iaitu tempat untuk menyimpan air. Berdasarkan pada pernyataan oleh Puan Zabedah binti Haji Teh kelebihan menyimpan air didalam tembikar "Terenang" membolehkan air menjadi jerneh disebabkan kelodak air yang disimpan mendap ke dasarnya. Air yang disimpan didalam tembikar "Terenang" juga amat dingin seolah-olah air itu disimpan didalam peti sejuk. Memasak lauk pauk dengan menggunakan tembikar "Belanga" yang dihasilkan juga turut dinyatakan Puan Zabedah yang mana ianya dapat memberikan kesan atau rasa yang lazat dan menyelerakan terhadap sesuatu masakan. Selain berfungsi sebagai alatan masakan dan tempat penyimpanan air, tembikar Tembeling Pahang juga digunakan untuk upacara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keagamaan dan ritual. Menurut beliau, air yang dingin akibat daripada disimpan didalam tembikar "Terenang" dipercayai dapat mengurangkan kepanasan badan lalu mewujudkan satu kepercayaan dikalangan masyarakat setempat dimana jika meminum air daripada tembikar "Terenang" itu dapat mengurangkan kepanasan badan atau demam. Disebabkan keberkesanan itu, ianya telah menjadi satu simbol bagi alatan pawang atau bomoh dan pengamal perubatan tradisional bagi meletakkan air jampi, kemenyan untuk upacara "perasapan" dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada penghasilan tembikar ini, tercetusnya ide untuk hasil tembikar ini diperdagangkan. Pada masa itu (sekitar tahun 1930), setiap tembikar yang dihasilkan dijual dengan harga empat hingga lima sen sebiji dan kebanyakannya telah dijual pada masyarakat setempat. Perusahaan tembikar yang diusahakan berkembang dan Encik Abdul Rahman bin Katib Dolah di usia mudanya pernah menjual tembikar hingga ke daerah Pekan dengan menghilir bermula dari sungai Tembeling dengan menggunakan rakit. Rakit tersebut mempunyai bumbung kerana perjalanan ke Daerah Pekan mengambil masa yang lama iaitu dalam linkungan satu bulan untuk tiba di daerah tersebut. Masyarakat di daerah Pekan memberi sambutan yang baik terhadap tembikar yang dibawa dari Kampung Pasir Durian. Kesemua tembikar yang dibawa habis dijual. Kebiasaannya permintaan terhadap tembikar ini datangnya daripada golongan petani yang rata-ratanya berpendapatan kecil. Encik Abdul Rahman akan pulang ke Kampung Pasir Durian dengan menaiki bas. Timbul pertanyaan kenapa beliau menggunakan dua jenis pengangkutan untuk ke daerah Pekan, iaitu pergi dengan berakit dan pulang dengan menaiki bas. Pertanyaan ini dijawab dengan berasaskan faktor keselamatan fizikal tembikar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 3:
Sungai Tembeling tempat bermulanya aktiviti menghilir (berakit) sehingga ke Daerah Pekan.

Tembikar akan lebih selamat dan terjaga sekiranya dibawa dengan menggunakan rakit. Sekiranya ia dibawa dengan menaiki bas, besar kemungkinan tembikar tersebut akan rosak dan pecah. Faktor lain adalah kerana jalan utama yang menghubungkan Kampung Pasir Durian ke pekan Jerantut agak jauh. Kemudahan fizikal seperti kemudahan jalanraya masih belum wujud dan keadaan bentuk muka bumi yang tidak rata turut menyumbang kepada penggunaan rakit untuk membawa hasil tembikar ke Daerah Pekan.

Diawal perusahaan tembikar Tembeling ini, ianya tidak mempunyai tempat atau bengkel yang khusus. Rata-ratanya, masyarakat setempat di Kampung Pasir Durian menghasilkan tembikar di kawasan rumah mereka sehinggalah awal tahun 1980. Pada tahun 1981, Puan Zabedah binti Haji Teh telah mendapat bantuan daripada peruntukan Pembangunan Luar Bandar dibawah selian Pejabat Daerah Jerantut bagi mendirikan bengkel khas untuk tujuan penghasilan tembikar. Selain bantuan daripada Pejabat Daerah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jerantut, mereka juga mendapat bantuan dan latihan dari segi kewangan dan peralatan daripada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKKWA). Dengan kewujudan bengkel perusahaan itu, kesemua penggiat di Kampung Pasir Durian telah berkumpul setempat atau duduk dibawah satu bumbung dalam menghasilkan tembikar.



Visual 4 :
Bengkel perusahaan tembikar Tembeling Pahang yang didirikan atas bantuan daripada peruntukan Pembangunan Luar Bandar dibawah selian Pejabat Daerah Jerantut.

Beralih kepada teknik atau kaedah penghasilan tembikar Tembeling Pahang, Puan Zabedah menyatakan lazimnya ia akan dimulakan dengan aktiviti atau proses mengambil tanah. Secara tradisionalnya, proses mengambil tanah dipanggil "Pergi Bertanah". "Pergi Bertanah" merupakan aktiviti penduduk Kampung Pasir Durian dimana kaum wanita bersama kaum lelaki terun ke kawasan yang terdapat tanah liat yang sesuai untuk dibuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tembikar. Aktiviti "Pergi Bertanah" ini telah menjadi satu simbol sosial bagi penduduk Kampung Pasir Durian itu.

Alatan yang digunakan untuk mengambil tanah liat adalah cangkul dan guni sebagai tempat meyimpan dan mengusung tanah liat. Tanah liat yang diambil akan diangkut dengan menggunakan guni. Proses mengcangkul dilakukan oleh kaum wanita manakala kaum lelaki mengusung pulang tanah liat yang diambil.

Dalam mengambil tanah, penduduk Kampung pada masa itu menurut Puan Zabedah telah dipercayai memegang dengan satu amalan yang menjadi kepercayaan kepada masyarakat setempat. Kepercayaan yang dipercayai dan mesti dipatuhi itu adalah ketika hendak mengambil tanah dimana mereka tidak boleh "kentut" kerana ia boleh menyebabkan tembikar "belanga" atau "terenang" yang dibentuk atau dibakar akan bocor "ceroi" (tembus). Kalau difikir secara logiknya, mengapa tidak dibenarkan "kentut" ketika mengambil tanah kerana kawasan tanah yang diambil adalah sempit dan selalunya diambil didalam lubang yang boleh menempatkan 2-4 orang pada satu masa. Ketika mengambil tanah, mereka akan duduk mengcangkung dan kedudukan ini lebih menyenangkan seseorang untuk mengeluarkan angin "kentut" yang boleh mendatangkan ketidakselesaan pengambil tanah yang lain.

Selepas aktiviti pergi bertanah selesai, tanah liat yang lembab itu akan dijemur sehingga kering. Selepas ianya betul-betul kering, ianya akan dimasukkan ke dalam satu bekas untuk dihancurkan. Tanah liat yang hancur itu akan direndam bagi mengasingkan selut yang halus. Selut halus yang diasing itu kemudiannya diambil dan ditapis untuk mendapatkan selut yang betul-betul halus. Selut yang betul-betul halus dapat menghasilkan permukaan dan bentuk tembikar yang halus dan cantik. Selut halus yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditapis dan mendap itu dibuangkan airnya dan diletakkan ke atas tempat "melepa". Tanah liat itu diuli sehingga ianya tidak mengeluarkan angin supaya tanah liat tidak berongga.



Visual 5:
Tanah liat yang diambil dan dikeringkan disimpan didalam bekas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tanah liat yang sudah diuli diambil pada ukuran yang tertentu dan diletakkan pula atas besi atau papan pembentuk. Tembikar yang siap dibentukkan akan dilicinkan pula dengan batu pelicin (batu sungai) dan kemudiannya diletakkan corak dan motif ke atasnya. Tembikar Terenang & Belanga Tembeling yang telah siap akan dikumpulkan dan kemudiannya dilatakkan diatas para dan dibawahnya diletakkan unggun api bagi proses pembakaran. Tembikar yang diletakkan diatas para ditutupkan dengan tikar mengkuang untuk mengawal suhu pembakaran. Proses pembakaran selalunya akan mengambil masa dua minggu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 6:
Tanah liat yang direndam semula untuk mendapat mendapan yang halus



Visual 7 :
Selut Tanah liat ditapis untuk mendapatkan selut yang halus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 8 :
Selut tanah liat yang halus selepas ditapis dan dibuangkan airnya.



Visual 9 :
Tempat melepa tanah liat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tembikar sebelum dibakar atau dikeraskan pada cahaya matahari, ianya mestilah dihiaskan terlebih dahulu. Menurut Puan Zabedah, Alat-alat yang digunaan untuk membuat ragam hias terdiri daripada pengukur kayu atau besi, penekap daripada batu kesat dan kulti siput yang berbunga (ukiran semulajadi) ataupun besi tajam. Bagi pengukur kayu, lazimnya ia menggunakan kayu daripada pokok merbau dan dibelakang hujung kayu akan diukir dengan bentuk ukiran. Teknik dan gaya membuat ragam hias terpulang kepada kegemaran tukang atau kebiasaan yang telah diwarisi daripada generasi yang terdahulu.



Visual 10:
Batu pelicin dan alatan untuk menghasilkan corak di permukaan tembikar.

Di Kampung Pasir Durian, Tembeling, Pahang, melaui kajian dan pemerhatian, dapat dilihat bahawa ragam hias berkembang dan berasaskan unsur-unsur alam sekitar. Perkara ini tidak dapat disangkal memandangkan kawasan Tembeling di negeri Pahang ini kaya dengan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan, terutama di kawasan-kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkampungan dan perhutanan. Kemahiran meletakkan corak atau ragamhias ini telah dipelajari dan diperturunkan oleh ibu saudara beliau yang dikenali dengan nama panggilan Mak Ngah Siti. Pada tahun 1926, dianggarkan oleh Puan Zabedah, umur Mak Ngah Siti pada waktu itu adalah dalam sekitar empat puluh hingga lima puluh tahun. Ini dibuktikan dengan sebuah peninggalan belanga air kepada Puan Zabedah oleh Mak Ngah Siti yang mana ia telah menjadi contoh dan panduan dalam membentuk dan mencorak tembikar sehingga kini.

Menurut Puan Zabedah, unsur-unsur yang diilhamkan dari alam sekitar atau semula jadi (flora dan fauna) ini telah diolah dan digayakan serta dipermudah berdasarkan citarasa, pemikiran dan kreativiti penggiat tembikar sendiri. Ragam hias yang terdapat pada tembikar tembeling Pahang pada asalnya diambil atau diadaptasi daripada kain sarong contohnya corak pucuk rebung. Pucuk rebung dibentuk dengan garis tiga segi dan pelbagai ragam. Bahagian-bahagian tembikar yang sering dihias dengan motif ini ialah badan, kaki dan pinggir keliling mulut.

Motif pucuk rebung yang diambil itu kemudiannya digabungjalin dengan elemen flora dan fauna yang biasa mereka lihat di kawasan keliling mereka pada masa itu contohnya tampuk manggis, bunga angsana dan motif flora seperi kesan kuku pelanduk. Motif yang hendak diletakkan pada tembikar mestilah kecil dan sehingga kini motif tradisional ini masih diterapkan dan digunapakai bagi penghasilan seni tembikar moden.

Kini, yang jelas dapat dilihat pada tembikar tradisional Tembeling Pahang ialah penggunaan motif dan corak yang lebih tertumpu kepada motif tumbuh-tumbuhan yang menjalar, daun-daun, pohon-pohon yang mengeluarkan bunga, atau bahagian-bahagian tertentu pada binatang. Motif-motif tumbuhan menjalar dan pohon-pohon terutamanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tertentu pada binatang. Motif-motif tumbuhan menjalar dan pohon-pohon terutamanya merupakan yang paling menarik. Dengan menolak penggunaan motif berunsurkan makhluk, secara tidak langsung, penggiat tembikar Tembling yang merupakan masyarakat melayu atau islam mengesakan Tuhan.



Visual 11:
Tembikar Belanga Tembeling Pahang yang dipercayai berumur lebih seratus tahun yang menjadi panduan dalam membentuk dan mencorak bagi waris generasi seterusnya.

2.2 Rumusan

Dalam bab ini menjelaskan tentang analisis daripada tokoh tembikar Tembeling Tradisional melalui data temubual, pemerhatian, rakaman audio-visual dan rakaman video yang telah dijalankan. Data-data dianalisis daripada motif-motif yang terdapat pada tembikar, pandangan, saranan dan gagasan idea tokoh melalui wawancara yang dijalankan serta pengkaji merekodkan lokasi, hasil tembikar dan tokoh tembikar Tembeling tradisional dalam bentuk rakaman visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

3.1 Tokoh Tembikar Tembeling Tradisional Di Kampung Pasir Durian Jerantut, Pahang - Bahagian 2

Noriah binti Mohd Ali (76 tahun, 341019-06-5126)



Visual 12 :
Tokoh tembikar Tembeling tradisional iaitu Puan Noriah binti Mohd Ali.

Puan Noriah binti Mohd Ali juga merupakan penduduk asal Kampung Pasir Durian, Jerantut Pahang. Berumur 76 tahun, beliau masih aktif menghasilkan tembikar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat perhatian Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Pahang untuk melantik beliau menjadi Tokoh Guru. Berbeza dengan Encik Abdul Rahman dan Puan Zabedah, beliau tidak mendapat sebarang pendidikan secara formal disebabkan oleh faktor kemiskinan dan tanggungjawab yang lebih besar terhadap keluarga. Perkahwinan Puan Noriah bersama suaminya telah dikurniakan dengan lima orang cahaya mata. Daripada kelima-lima anak mereka, tiada seorang yang mengikut jejak langkah beliau. Anak-anak beliau kini bekerja di bandar dalam pelbagai sektor. Mereka lebih senang dan selesa bekerja makan gaji daripada mengusahakan tembikar tradisional.

Analisis daripada data temubual, rakaman audio-visual dan rakaman video dengan beliau telah menyatakan bahawa kesedaran terhadap aktiviti penghasilan tembikar adalah atas dorongan dan tunjuk ajar oleh ibu mertua beliau iaitu Puan Sepiah binti Mat Amin. Bantuan dan galakkan turut diberikan daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Malaysia (KEKKWA).

Mengimbas semula pada persoalan temubual dan rakaman visual yang dibuat, Puan Noriah yang lebih mesra dipanggil sebagai Mak Itam telah menyatakan bahawa beliau mempelajari teknik penghasilan tembikar Tembeling Pahang adalah berdasarkan kepada pemerhatian ibu mertua beliau sewaktu menghasilkan tembikar tersebut. Semasa di usia kanak-kanak, remaja sehinggalah dewasa, beliau belum tergerak hati untuk berkecimpung dalam aktiviti penghasilan tembikar Tembeling ini. Beliau menyatakan bahawa pada usia lewat 30 an barulah beliau mencuba untuk menghasilkan tembikar. Beliau pada masa itu telah pun berumahtangga dan mempunyai anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempoh percubaan itu merupakan tempoh yang sukar, kerana untuk mempelajarinya bukanlah mudah. Ketika mula untuk mempelajarinya, hasil tembikar yang dihasilkan kurang elok tetapi setelah dipraktikkan secara konsisten, akhirnya beliau berjaya menghasilkan tembikar Tembilang Pahang dengan sempurna. Beliau menambah, segala kemahiran yang beliau dapati adalah hasil tunjuk ajar ibu mertua beliau yang tidak pernah jemu untuk mencurahkan segala ilmu dan kemahiran kepada beliau. Ibu mertua beliau banyak mengajar tentang cara bagaimana untuk meletakkan bunga (corak dan ragamhias) di tembikar. Dalam tempoh pembelajaran, beliau banyak menerima tunjuk ajar dan panduan oleh ibu mertua beliau. Antaranya panduan dan nasihat untuk menghasilkan sesebuah tembikar, hati mestilah bersih dan tenang barulah boleh menghasilkan tembikar dengan cermat, penuh hati-hati serta meletakkan sepenuh perasaan yang mana akhirnya dapat membentuk tembikar dengan elok dan kelihatan "manis mata" (cantik dipandang).

Selain itu, kaedah dalam melicinkan permukaan tembikar juga diwariskan kepada beliau. Untuk melicinkan tembikar, batu sungai diperlukan dengan meratakannya dengan tekanan bagi memampatkan tanah liat disamping mendapatkan kesan kilauan pada tembikar. Menurut Puan Noriah, proses pelicinan ini mengambil masa yang agak lama. Beliau menambah, ibu mertua beliau juga mengajar teknik untuk membakar tembikar iaitu dengan menggunakan para. Teknik yang diceritakan oleh Puan Noriah tidak banyak bezanya dengan teknik yang digunakan oleh Puan Zabedah yang mana kesemua tembikar yang sudah dikeringkan dikumpulkan dan kemudiannya disusun diatas para dan dibawahnya diletakkan unggun api bagi proses pembakaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 13:
Batu sungai yang dijadikan sebagai alat pelicin dan pemampat tanah liat.

Tembikar yang diletakkan diatas para akan ditutupkan dengan tikar mengkuang bagi mengawal suhu pembakaran. Proses pembakaran selalunya mengambil masa dua hingga tiga hari. Tembikar yang hendak dibakar biasanya akan terdedah kepada risiko retak dan pecah. Ini memerlukan kemahiran yang tinggi dalam mengawal suhu api ketika membakar tembikar. Semasa pembakaran, setiap tembikar akan diperhati dan dialih kedudukannya agar pembakarannya seimbang dan dapat mengelakkanya daripada retak, hangus atau menjadi hitam. Mengimbas pada pengalaman lalu, beliau juga pernah mengikut En Abdul Rahman dalam menghilir ke daerah Pekan untuk memasarkan tembikar Tembeling yang dihasilkan.

Perbadanan Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKKWA) telah memberikan sumbangan dan bantuan dengan mendirikan sebuah pondok (balai) informasi. Puan Noriah bertindak sebagai Tokoh Guru di pondok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

informasi tersebut untuk membuat demonstrasi disamping menyampaikan maklumat pada mana-mana pihak yang berminat untuk mengetahui tentang segala aspek berkenaan tembikar Tembeling Pahang. Selain dilantik sebagai Tokoh Guru secara kontrak selama lima tahun, beliau juga dibayar elaun bulanan sebanyak RM 500. Segala hasil akhir tembikar yang dihasilkan akan dihantar ke Kraf Temin dan di Pusat Penerangan Pelancongan di daerah Jerantut dan wang pulangan hasil jualan akan diberikan kepada beliau sepenuhnya. Beliau juga menyatakan bahawa beliau diberitahu oleh Pengarah Perbadanan Kraftangan Malaysia cawangan Pahang iaitu En Zubir supaya memasarkan tembikar Tembeling di dua tempat iaitu di Temin Kraf dan di bilik pameran di bandar Jerantut. Beliau turut menyatakan bahawa beliau mempunyai pertalian persaudaraan dengan En Mat yang merupakan seorang penggiat generasi muda yang membuka perusahaan di Kampung Temin.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi



Visual 14:
Pondok atau balai informasi yang didirikan atas sumbangan dan bantuan oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan (KEKKWA).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 15:
Pusat Penerangan Pelancongan Jerantut antara tempat pemasaran tembikar Tembeling Pahang.

Berbicara mengenai proses pembentukan tembikar Tembeling tradisional, beliau menyatakan untuk membentuk sesebuah tembikar (Terenang dan Belanga), ia akan mengambil masa yang agak lama kadang-kadang mencecah sehingga dua minggu. Ini adalah kerana masa yang lama telah diambil untuk proses pengeringan. Tembikar yang sudah siap dibentuk dan dicorakkan akan disusun dan dikeringkan didalam bengkel. Proses pengeringan tidak boleh dilakukan dengan dijemur secara terus dibawah cahaya matahari kerana ia boleh menyebabkan keretakan pada tembikar.

Berbicara mengenai proses untuk meletakkan corak diatas permukaan tembikar, Mak Itam terus menunjukkan alat-alat yang digunakan untuk mencorak tembikar bagi tembikar "Terenang" dan "Belanga" Pahang. Menurut beliau, perletakkan corak lebih banyak diletakkan pada permukaan tembikar "Terenang" berbanding "Belanga". Corak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

corak yang diletakkan semuanya kelihatan halus dan berulang-ulang mengikut bentuk tembikar.



Visual 16:
Tembikar Tembeling Pahang yang siap dibentuk dan dicorak disusun diatas para untuk dikeringkan selama tempoh dua minggu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Alatan yang digunakan dalam mencorak tembikar terdiri daripada kayu merbau yang halus dimana hujungnya akan diukir dengan corak-corak tertentu. Corak-corak adalah seperti bunga tampuk manggis, bunga pecah empat, tapak pelanduk, bunga samba, tapak itik, bunga pucuk rebung dan kelopak daun. Diantara alatan corak tersebut, kelihatan penutup ubat gigi yang juga digunakan untuk mencorak yang mana dengan menggunakanya dapat menghasilkan kesan garisan yang sekata dan konsisten untuk diletakkan dihujng-hujung permukaan tembikar. Untuk mencorak, menurut beliau mesti dibuat dengan penuh kesabaran dan ketenangan supaya tembikar yang dicorak akan dapat dihasilkan dengan sempurna dan cantik. Alatan dalam melicinkan tembikar turut ditunjukkan oleh Mak Itam yang mana ia terdiri daripada batu-batu sungai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 17:
Alatan dalam mencorak atau meletak ragam hias pada permukaan tembikar.

3.2 Kesimpulan Analisis Data Ketiga-Tiga Tokoh Tembikar Tembeling Tradisional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulan daripada penganalisisan data yang dijalankan terhadap ketiga-tiga tokoh tembikar Tembeling tradisional, Encik Abdul Rahman bin Katib Dolah, Puan Zabedah binti Haji Teh dan Puan Noriah binti Mohd Ali mendapati bahawa sumbangan generasi awal berkaitan perusahaan tembikar terhadap kesinambungan warisan pendidikan budaya begitu penting. Kepentingan ini dapat dilihat dari sudut warisan dari satu generasi ke generasi seterusnya agar identiti kebudayaan dan kesenian kraf tembikar Tembeling Pahang terus kekal. Pernyataan ini disokong oleh Adi Haji Taha (2000) ketika membentangkan kertas kerja beliau pada Seminar Tembikar Dari Warisan ke Wawasan yang menyatakan tembikar merupakan satu unsur penting dalam memahami dan mengetahui perkembangan sejarah kebudayaan masyarakat kerana ianya melambangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keupayaan manusia masa prasejarah menembusi satu kaedah pembuatan dan pengeluaran atau teknologi bagi kesejahteraan kehidupan masyarakat. Kemahiran dan teknik penghasilan tembikar generasi awal ini tetap terus disuburkan kepada generasi baru dengan wujudnya perusahaan-perusahaan tembikar moden.

Perusahaan ini turut membantu meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi generasi awal yang menghasilkan tembikar Tembeling Pahang. Melalui aktiviti perniagaan tembikar yang meluas sehingga ke daerah Pekan, Pahang dapat memberi sumber pendapatan tambahan disamping meletakkan industri tembikar ini sebagai satu simbol kesenian kraf di daerah Jerantut khususnya di Kampung Pasir Durian. Hujah ini bersesuaian dengan pendapat Leong Sau Heng (1992) yang menyatakan bahawa penemuan serpihan dan bentuk tembikar di Jeram Hilir, Selangor sebagai petanda telah wujud sistem perdagangan antara Jeram Hilir dengan Lembah Bujang.

Sumbangan seperti khidmat nasihat, rundingcara, latihan dan bantuan kewangan daripada badan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKKWA) banyak membantu generasi-generasi awal mengembangkan perusahaan tembikar ini dan secara tidak lansung terus mengekalkan warisan pendidikan kebudayaan kesenian kraf di negeri Pahang pada amnya dan di Kampung Pasir Durian secara khusus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

4.1 Tokoh Tembikar Tembeling Moden Di Kampung Temin Jerantut, Pahang - Bahagian 1

Encik Mohammad bin Zakaria (39 tahun, 690609-06-5519)



Visual 18:
Tokoh Tembikar Tembeling Moden iaitu Encik Mohammad bin Zakaria

Encik Mohammad bin Zakaria merupakan anak jati negeri Pahang yang berasal dari Kampung Pasir Durian, Jerantut. Berusia 39 tahun dan sudah berkahwin serta mempunyai empat orang cahaya mata. Mendapat pendidikan rendah dan menengah sehingga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah yang terletak di kampung beliau.

Melalui temubual, rakaman audio-visual dan rakaman video yang dijalankan dengan Encik Mohammad bin Zakaria, maklumat yang diperolehi menyatakan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah wujud kesedaran masyarakat terhadap perkembangan kesinambungan kraf tembikar sejak ia diusahakan di Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling dan Kampung Temin di daerah Jerantut, Pahang.

Membicarakan sejarah awal perusahaan tembikar Tembeling, perusahaan yang diusahakan di Kampung Temin merupakan kesinambungan atau lanjutan daripada perusahaan tradisional di Kampung Pasir Durian dan di Kuala Tembeling. Mengikut kronologi perusahaan tembikar Tembilang Pahang , ianya telah bermula dengan wujudnya perusahaan atau bengkel di Kampung Pasir Durian dan kemudian telah berpindah ke Kuala Tembeling. Semasa di Kampung Pasir Durian dan Kuala Tembeling yang mana penghasilan tembikar pada waktu itu hanya dipasarkan di Kuala lumpur dan di Taman Negara.



Visual 19:
Bengkel awal perusahaan tembikar Tembeling Pahang yang diurus oleh Encik Mohamad bin Zakaria di Kampung. Pasir Durian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sewaktu di Kampung Pasir Durian dan Kuala Tembeling, Encik Mohammad, telah mendapat bantuan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dari aspek bantuan berasaskan latihan, peralatan dan kewangan. Di Kuala Tembeling, perusahaan tembikar itu telah diberikan nama sebagai Syarikat Perusahaan Tembikar Tembeling yang mana ianya telah beroperasi selama enam tahun. Dalam tempoh itu, perusahaan tembikar Tembeling di Kampung Temin sudahpun wujud yang mana ia telah diuruskan oleh dua orang belia iaitu Encik Annuar bin Hassan dan Encik Zainol bin Idrus. Mereka berdua berasal dari Kampung Temin. Setelah enam tahun beroperasi, Encik Zainul bin Idrus yang merupakan rakan kongsi Encik Anuar Hassan telah mendapat peluang yang lebih baik di bidang lain lalu menarik diri menyebabkan Encik Anuar bin Hassan berseorangan dalam menguruskan perusahaan tembikar Tembeling di Kampung Temin.

Bertitik tolak dari isu penarikan diri Encik Zainol bin Idrus, wujud perbincangan diantara Encik Mohamad dan Encik Anuar untuk menggabungkan perusahaan mereka supaya menjadi sebuah perusahaan yang lebih besar dan maju. Akhirnya mereka berdua telah bersependapat dan hasilnya perusahaan Tembikar Tembeling Pahang di Kampung. Temin yang diberikan nama sebagai Temin Kraf wujud beroperasi sehingga hari ini.

Encik Mohamad semasa beroperasi di Kuala Tembeling juga telah mendapat bantuan daripada peruntukan Pembangunan Luar Bandar dibawah selian Pejabat Daerah Jerantut dalam membangunkan bengkelnya. Apabila digabungkan dan bertempat di Kampung Temin (Temin Kraf), beliau telah mendapat bantuan daripada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKKWA) yang mana kementerian ini telah membiayai tempat dan bangunan yang luas disamping peralatan dan bahan mentah untuk menghasilkan tembikar dalam bentuk geran dibawah Skim Latihan Usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 20:
Papan tanda penunjuk arah bagi menunjukkan lokasi
bengkel perusahaan Temin Kraf.

Encik Mohamad turut menyatakan bahawa jumlah sumbangan yang disalurkan adalah sebanyak 150 ribu ringgit. Bantuan awal adalah dari aspek latihan dan kursus dalam membuat tembikar agar penghasilan tembikar dihasilkan dengan menggunakan teknik dan teknologi terkini agar nilai dan kualiti tembikar yang dihasilkan lebih bermutu. Disamping memberikan kursus dan latihan menghasilkan tembikar cara moden, KEKWA juga memberikan tunjuk ajar dalam membuat dan menguruskan perniagaan agar ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan supaya perniagaan yang dijalankan akan menjadi lebih maju dan berdaya saing. Selain bantuan daripada KEKWA, perusahaan tembikar Tembeling di Kampung Temin juga mendapat bantuan daripada RISDA yang mana RISDA telah memberi sumbangan dalam bentuk bangunan iaitu membina sebuah bilik pameran dalam menggalakkan lagi hasil jualan dan pasaran tembikar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 21:
Galeri untuk tujuan pameran, jualan dan promosi yang telah disumbangkan oleh pihak RISDA.

Encik Mohamad dalam memperihalkan tentang pembabitan awal dalam perusahaan ini telah menyatakan bahawa diwaktu zaman kanak-kanak dan remaja beliau banyak melihat aktiviti pembuatan tembikar di sekitar kampung yang mana ahli keluarganya turut bergiat aktif dalam penghasilan tembikar. Hasil pemerhatian ahli keluarga dan masyarakat setempat dalam menghasilkan tembikar, timbul perasaan minat untuk mempelajarinya.

Pada awalnya, beliau turut menyatakan tidak berminat dan terlintas dihati untuk melibatkan diri secara serius dalam aktiviti membuat tembikar kerana dimasa itu, beliau tidak nampak sebarang peluang dan prospek kerjaya dan masa depan dalam bidang ini. Impak daripada kesedaran dan penglibatan secara lansung beliau dalam industri tembikar amnya dalam menyertai banyak lawatan ke kilang-kilang tembikar cina di sekitar negeri Selangor dan Perak yang dianjurkan oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia, telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

menimbulkan minat dan hasrat Encik Mohamad untuk bergiat secara aktif dalam perusahaan tembikar. Selain itu, melihat bangsa asing khasnya masyarakat cina yang begitu maju dan meninggalkan jauh kaum melayu dalam mengusahakan perusahaan tembikar telah menaikkan semangat juang yang tinggi seterusnya mencabar diri beliau supaya berjaya dan menjadi pesaing kepada kaum cina dalam perusahaan tembikar ini.

Para pekerja yang mengusahakan perusahaan tembikar ini rata-ratanya diambil dari Kampung Pasir Durian yang mana mereka ini telah diasuh dan dibentuk oleh Encik Mohamad sendiri semasa beliau menjalankan operasi di Kampung Pasir Durian dan Kuala Tembeling. Selepas itu, barulah ada pekerja dikalangan remaja dan belia diambil daripada masyarakat setempat di Kampung Temin. Sehingga kini, seramai tujuh orang pekerja telah diambil untuk berkhidmat di perusahaan Tembikar Tembeling di Kampung Temin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fungsi penghasilan tembikar di Temin menurut Encik Mohamad, dihasilkan untuk tujuan hiasan, cenderamata dan tempat mengisi makanan dan rancangan masa depan adalah untuk menghasilkan rekaan mangkuk tandas, atap, genting dan lain-lain. Produk akhir yang menjurus kepada unsur fungsional akan diterapkan disamping memasukkan nilai estetik pada sesuatu penghasilan tembikar. Sebagai contoh, penghasilan produk akhir seperti tempat abu rokok, bekas telur, teko, cangkir air, belanga, tempat isi gula dan garam dan lain-lain. Permintaan dari pengusaha restoran yang menggunakan tembikar sebagai konsep alatan restoran mereka (claypot) juga mendorong perusahaan Tembikar Tembeling Pahang di Temin untuk mengeluarkan lebih banyak produk akhir tembikar yang mempunyai ciri fungsional. Rekaan-rekaan yang terkini dan moden menurut Encik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohamad akan diberi nafas baru dengan diubahsuai dan digabung jalin secara kreatif bersama nilai tradisional.



Visual 22:
Tempat letak abu rokok yang telah menjadi sebahagian produk fungsional yang dihasilkan di Temin Kraf.

Peninggalan warisan turun-temurun masih tidak dilupakan yang mana produk akhir tembikar seperti "Terenang" dan "Belanga" Pahang masih dihasilkan secara serius. Pengekalan penghasilan ini meurut perspektif Encik Mohamad adalah untuk mengekalkan kesinambungan warisannya dan apa yang penting disini, tembikar tradisional ini masih mendapat tempat dihati pelanggan dan masyarakat. Nilai simbolik dari segi rekabentuk dan ragamhias tradisional masih diterapkan kerana nilai-nilai ini menurut Encik Mohamad tidak jemu untuk dipandang. Rekabentuk dan ragamhias tradisional mempunyai simbolik penceritaan dan nilai kemelayuan yang tinggi disamping diangkat menjadi nilai tradisi tempatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila menfokuskan pada aspek bentuk, jelas kelihatan bentuk tembikar tradisional banyak dipermodenkan. Dipermodenkan beerti memasukkan unsur-unsur kotemporari bagi menyesuaikan kepada permintaan dan keperluan zaman. Dari segi ragamhias, kebanyakkan tembikar yang dihasilkan masih menerapkan pengaruh corak dan motif tradisional seperti kesan kuku pelanduk, bunga angsana, pucuk rebung, bunga angin, pokok semalu, dan lain-lain.



Visual 23:
Antara contoh tembikar tradisional jenis *Terenang* yang masih dikekalkan identiti dalam penghasilan tembikar di Temin Kraf.

Selain penghasilan tembikar Encik Mohamad bersama Perbadanan Kraftangan Malaysia telah bekerjasama dalam projek "R&D" yang terkini iaitu menghasilkan relau pembakar tembikar. Semua kos ditanggung sepenuhnya oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia dari segi bahan mentah dan peralatan. Projek relau pembakar ini melibatkan kos dan risiko yang tinggi. Antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan beliau, adalah sewaktu kejadian relau pembakar meletup pada pertengahan 2007 yang mana rakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kongsinya Encik Zainul hampir maut ekoran kejadian tersebut. Projek penghasilan relau pembakar tembikar ini juga telah menjadi pelopor kraf tembikar kepada bangsa melayu kerana belum ada diusahakan oleh orang melayu sebelum ini.



Visual 24:
Antara beberapa contoh tembikar Tembeling Pahang yang diberi nafas baru dengan menggabungjalin elemen moden dan kontemporari.

Bahan mentah (tanah liat) bagi menghasilkan tembikar diperolehi dari kilang-kilang cina yang terletak di Kuala Lumpur dan di Ipoh, Perak. Antara sebab kenapa bahan tersebut diperolehi diluar dari negeri Pahang adalah kerana tanah liat (bagi tujuan perhiasan) sukar didapati.

Encik Mohamad menjelaskan peri pentingnya peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dibawah Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKKWA) yang menjadi medium kesinambungan warisan kraf tembikar di negeri Pahang ini. Tanpa bantuan dan sokongan daripada badan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan, berkemungkinan hasil dan industri kraf khususnya kraf tembikar di Tembeling akan dilupakan dan pengekalan warisannya tidak dapat dikekalkan.



Visual 25:
Seorang pekerja di Temin Kraf yang dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan relau pembangkar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Visual 26:
Tanah liat yang dibeli dari pengusaha tembikar yang lain disekitar kawasan Kuala Lumpur dan Ipoh, Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

4.2 Rumusan

Dalam bab ini menjelaskan analisis terhadap tokoh tembikar Tembeling moden yang didapati melalui data temubual, pemerhatian, rakaman audio-visual dan rakaman video yang telah dijalankan. Data-data dianalisis daripada bahan-bahan bagi menghasilkan tembikar, motif-motif yang terdapat pada tembikar, pandangan, saranan dan gagasan idea tokoh melalui wawancara yang dijalankan serta pengkaji merekodkan lokasi, hasil tembikar dan tokoh tembikar Tembeling tradisional dalam bentuk rakaman visual. Juga dijelaskan bantuan dan dokongan daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKKWA).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

5.1 Tokoh Tembikar Tembeling Moden Di Kampung Temin Jerantut, Pahang - Bahagian 2

Encik Fadil bin Zakaria (26 tahun, 820422-06-5773)



Visual 27:
Tokoh generasi moden iaitu Encik Fadil bin Zakaria

